

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

Sokong hanya untuk ambil hati Anwar

Um - 9/7/2017 Pg. 19

KUALA LUMPUR 8 Julai - Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin keputusan kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat skandal dagangan mata wang asing pada 1990-an akan mendedahkan kepincangan pentadbirannya ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

Dr. Mahathir yang kini Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mulai khuatir kerana siasatan oleh suruhanjaya itu pasti akan membongkar apa sebenarnya berlaku sehingga Bank Negara Malaysia (BNM) mengalami kerugian berbilion-bilion ringgit akibat urus niaga berkenaan.

Oleh itu, bekas Perdana Menteri tersebut membuat persiapan awal bagi menghadapi RCI.

Selain berbaik semula dengan DAP yang Penasihatnya, Lim Kit Siang suatu ketika dahulu orang yang paling lantang mahu RCI ditubuhkan, Dr. Mahathir kini cuba mengambil hati Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila menyokong bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh tersebut untuk menjadi Perdana Menteri.

Justeru, itulah ramai pihak melihat apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir bukan sahaja terdesak tetapi untuk mengambil hati Anwar yang merupakan Menteri Kewangan ketika skandal tersebut berlaku supaya memberi keterangan menyebelahi beliau apabila RCI bersidang nanti.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, Dr. Mahathir dilihat dalam keadaan tersepit disebabkan penubuhan RCI.

“Dr. Mahathir panik kerana tidak ramai ahli dalam Pakatan Harapan yang diketuai DAP membuat kenyataan membela beliau. Jadi bagi me-

lembutkan mereka, Pengerusi PPBM bertindak membuat kenyataan tersebut bagi memujuk rakannya dalam Pakatan Harapan untuk menyerang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak habis-habisan.

“Rakan kongsi Dr. Mahathir dalam pakatan itu tidak akan percaya apa yang diperkatakan oleh beliau dan hanya memperalatkannya untuk menyerang Perdana Menteri dan UMNO sahaja,” katanya menerusi aplikasi WhatsApp di sini hari ini.

Bagi Setiausaha Agung Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub berkata, perasaan benci dan dendam terhadap Najib serta bimbang Anwar akan melakukan pembongkaran berhubung skandal forex memaksa Dr. Mahathir menyokong Anwar untuk menjadi Perdana Menteri.

Atas sebab itulah tegas Mustapha, tindakan terdesak Dr. Mahathir bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana bekas Perdana Menteri itu boleh dianggap bagaikan seorang yang hampir lemas dalam sungai, mahu menyelamatkan diri hingga terpaksa bergayut biarpun menggunakan sehelai rumput kering.

“Dr. Mahathir sedar Anwar mengetahui banyak perkara mengenai skandal tersebut dan mampu menjelaskan secara terperinci penglibatannya jika dipanggil sebagai saksi oleh RCI.

“Tindakan itu juga memberi isyarat bahawa Dr. Mahathir sebenarnya mengharapkan Anwar akan memaafkannya atas semua kesalahan terdahulu termasuk pemecatan Anwar daripada UMNO, Timbalan Perdana Menteri dan memasukkannya ke dalam penjara,” jelasnya.



MOHD. PUAD



MUSTAPHA YAAKUB